

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL. 4 TAHUN 1993**

#### **PENUBUHAN PUSAT SERENTI (ONE STOP AGENCY) BAGI PERLAKSANAAN PROGRAM PERUMAHAN KOS RENDAH DI NEGERI KELANTAN**

---

---

Pekeling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 6 Mei 1993 semasa menimbang Kertas MMK Bil. 9/326/93(39) telah memberi persetujuan berhubung dengan perkara-perkara berikut:-

#### **1. PENUBUHAN PUSAT SERENTI BAGI MEMPERCEPATKAN SEGALA URUSAN PERLAKSANAAN PROGRAM PERUMAHAN KOS RENDAH:**

- (a) Menerima semua permohonan tukar sayarat, pecah sempadan tanah dan mengedarkan secepat mungkin kepada jabatan-jabatan yang berkenaan untuk pandangan dan ulasan. Carta aliran proses seperti di Lampiran A.
- (b) Mengkaji permohonan-permohonan serta membuat perakuan-perakuan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri termasuklah perakuan-perakuan dalam aspek memberi sumbangan-sumbangan untuk mengurangkan kos jualan rumah-rumah awam kos rendah.
- (c) Menolong pemaju dalam semua hal untuk kelancaran perlaksanaan projek.

- (d) Menolong bakal-bakal pembeli dan pemaju dalam urusan-urusan berkaitan dengan tanah seperti pindahmilik, gadaian dan sebagainya.
- (e) Menyelaras dan mengesan perlaksanaan projek dibawah perlaksanaan program ini.

## **2. KEANGGOTAAN PUSAT SERENTI:**

Keanggotaan Pusat Serenti adalah terdiri daripada:-

- 1. YB. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan - Pengerusi Tempatan, Perumahan dan Alam Sekitar
- 2. YB. Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Alam Sekitar - Ahli
- 3. YABrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) - Ahli
- 4. YABrs. Pengarah Tanah dan Galian - Ahli
- 5. YABrs. Pengarah U.P.E.N - Ahli
- 6. YABrs. Pengarah Jabatan Kerja Raya - Ahli
- 7. YABrs. Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan - Ahli
- 8. YABrs. Pengarah Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan - Ahli
- 9. YABrs. Timbalan Yang DiPertua MPKB - Ahli
- 10. YABrs. Pengarah Wilayah Timur JPN Kota Bharu - Ahli
- 11. YABrs. Yang Dipertua Majlis-Majlis Daerah Yang Berkenaan - Ahli
- 12. YBrs. Pentadbir Tanah Jajahan yang berkenaan - Ahli

- |     |   |   |      |
|-----|---|---|------|
| 13. | YBrs. Pengurus Daerah Tenaga Nasional         | - | Ahli |
| 14. | YABrs. Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran | - | Ahli |
| 15. | Lain-lain Ketua Jabatan yang difikirkan perlu | - | Ahli |
| 16. | YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Perumahan)   | - | Ahli |

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian dan Bahagian Perumahan, Pejabat SUK adalah urusetia bersama untuk mengendalikan Pusat Serenti ini.

**3. KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DIBERIKAN KEPADA PEMAJU-PEMAJU PERUMAHAN UTNTUK PROJEK PERUMAHAN KOS RENDAH:**

---

- (a) Pengecualian bayaran pendaftaran pindahmilik pertama dan gadaian untuk kos rendah sahaja. Tempoh pengecualian bayaran tersebut adalah sehingga 31 Disember 1994 bagi rumah kos rendah yang dibina oleh pemaju swasta manakala bagi rumah awam kos rendah yang dibina oleh kerajaan tempohnya adalah sehingga semua rumah tersebut habis dijual oleh kerajaan. Perkara ini dinyatakan di dalam Pekeliling PTG Bil.1/1993 yang telah dikeluarkan kepada semua Pentadbir Tanah dan Jajahan.
- (b) Penubuhan pasukan petugas bagi mempermudahkan dan mempercepatkan proses pembangunan tanah oleh kerajaan Negeri.
- (c) Pengurangan kadar bayaran premium bagi tukar syarat dan pecah sempadan sehingga 50%.

- (d) Pengurangan bayaran kelulusan pelan untuk Majlis Daerah/Perbandaran sebanyak 50% untuk semua Projek Rumah Awam Kos Rendah.
- (e) Cara memproses permohonan di bawah Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938 dan 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 diper mudahkan.
- (f) Lain-lain kemudahan yang dikenalpasti dan didapati wajar oleh Jawatankuasa Pusat Serenti dari semasa ke semasa.

Bagi Projek Rumah Awam Kos Rendah yang dibina oleh kerajaan, semua kemudahan yang diberikan adalah sehingga semua unit Rancangan Rumah Awam Kos Rendah habis dijual atau apabila kerajaan negeri memikirkan ianya patut diberhentikan/tarik balik.

#### **4. PERWAKILAN TUGAS:**

- (a) Kuasa meluluskan permohonan tukar syarat dan pecah sempadan diperturunkan oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada Y.A.B Menteri Besar ( Seperti Warta Kerajaan Kn.P.U 24. Jil. 39 (39) ) mula berkuatkuasa pada 16 Julai 1986.
  - (b) Kuasa meluluskan permohonan pelan-pelan bangunan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, diperturunkan kepada Yang Dipertua Majlis-Majlis Daerah dan Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kota Bharu {Seperti Kelulusan MMK kertas Bil. 13/496/86(17)].
5. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling PTG Bil. 1/1993 dan Arahan PTG. KN. Bil. 2/1989 dan Bil. 1/1991.

**t.t**

**(Dato Haji Ashaari Azmi Bin Haji Abdullah)**

PENGARAH TANAH DAN GALIAN

KELANTAN

**KEPADA:**

Semua Pentadbir Tanah Jajahan  
Kelantan

**SALINAN KEPADA :**

1. Y.A.B. Tuan Guru Menteri Besar Kelantan.
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.  
( Tuan Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman)
3. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.  
(Tuan Haji Mohd Rozali Bin Isohak)
4. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
5. Y.B. Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.
6. Y.B. Tuan Penasihat Undang-undang, Negeri Kelantan.
7. Y.A.Brs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
8. Y.A.Brs Pengarah Penyelesaian Tanah, Negeri Kelantan.
9. Y.Brs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan.

**BERTARIKH: 19 JULAI 1993**

**FAIL: P.T.G. KN. 4/2/15(55)**

**LAMPIRAN A**

**CARTA ALIRAN PROSES PERMOHONAN TUKAR SYARAT DAN PECAH  
TANAH SEMPADAN SERENTAK OLEH PUSAT SERENTI (ONE STOP AGENCY)**

